



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KONFLIK INTERPERSONAL DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH
LELAKI DEWASA RELAPS DI PUSAT PEMULIHAN DAN PENJAGAAN
DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA***

MUHAMMAD DHAMIR AUDI BIN AZIZUL

FEM 2018 23



**KONFLIK INTERPERSONAL DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH
LELAKI DEWASA RELAPS DI PUSAT PEMULIHAN DAN PENJAGAAN
DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD DHAMIR AUDI BIN AZIZUL

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KONFLIK INTERPERSONAL DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH
LELAKI DEWASA RELAPS DI PUSAT PEMULIHAN DAN PENJAGAAN
DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD DHAMIR AUDI BIN AZIZUL

Julai 2018

Pengerusi : Wan Munira bt Wan Jaafar, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Penagihan relaps adalah penggunaan semula dadah selepas berhenti menggunakannya untuk satu tempoh tertentu yang bergantung kepada keupayaan seseorang melawan ketahanan simptom putus dadah. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi bekas penagih untuk relaps. Antara faktor utama yang dikenalpasti adalah situasi emosi negatif seperti kemarahan dan kebimbangan, situasi konflik interpersonal seperti perselisihan faham di antara keluarga dan masyarakat, serta situasi tekanan sosial seperti tekanan daripada bergaul dengan rakan-rakan yang mengambil dadah. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan bagaimanakah faktor konflik interpersonal mempengaruhi bekas penagih dadah lelaki dewasa yang sedang mengikuti program pemulihan di *Cure and Care Service Centre*, Kuala Pilah kembali relaps. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan fenomenologi melalui kaedah temu bual bersemuka terhadap lapan orang penagih yang sedang mengikuti program pemulihan di CCSC, Kuala Pilah. Pemilihan sampel dilakukan melalui teknik persampelan bertujuan dan data telah dianalisis menggunakan analisis tematik melalui pendekatan induktif yang menumpukan kepada pengekodan untuk memperolehi tema-tema utama. Hasil kajian mendapati bahawa antara jenis konflik interpersonal yang menyebabkan penagih dadah lelaki dewasa di CCSC, Kuala Pilah kembali relaps adalah konflik bersama masyarakat, konflik bersama keluarga, dan konflik bersama majikan. Kesimpulannya, jenis-jenis konflik yang dikenal pasti ini memberi gambaran bahawa persekitaran sosial yang menyebabkan penagih dadah yang dikaji relaps. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar model pencegahan penagihan berulang berdasarkan analisa konflik interpersonal dilaksanakan bagi mencapai sifar statistik bagi penagihan relaps pada masa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**INTERPERSONAL CONFLICT AMONG RELAPSING MALE DRUG
ADDICTS IN REHABILITATION CENTRE OF KUALA PILAH, NEGERI
SEMBILAN, MALAYSIA**

By

MUHAMMAD DHAMIR AUDI BIN AZIZUL

July 2018

Chairman : Wan Munira bt Wan Jaafar, PhD
Faculty : Human Ecology

Relapsed addiction is a re-use of drugs after stopping it for a certain period of time depending on one's ability to resist the endurance of drug-breaking symptoms. There are various factors that affect the former drug addicts for relaps. Among the key factors identified are situations of negative emotions such as anger and anxiety, interpersonal conflict situations such as misunderstanding between family and society, as well as social pressure situations such as pressure from socializing with drug-taking partners. The study aimed at explaining how interpersonal conflict factors influenced former male drug addicts who were undergoing rehabilitation programs at the Cure and Care Service Center, Kuala Pilah returned relaps. This study is a qualitative study using phenomenology approach through face-to-face interviews among eight drug addicts who are undergoing rehabilitation programs at CCSC, Kuala Pilah. Sample selection was carried out through purposive sampling technique and data were analyzed using thematic analysis through an inductive approach that focused on coding to obtain key themes. The findings show that among the types of interpersonal conflicts that cause adult male drug addicts at CCSC, Kuala Pilah relaps are community conflicts, family conflicts, and conflicts with employers. In conclusion, these types of conflicts have shown that the social environment that causes the drug addicts to be relapsed. Therefore, the researcher proposes that relapse prevention models based on an interpersonal conflict analysis are implemented to achieve a zero statistic for relapse addiction in the future.

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha mengasihani”.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya saya berjaya menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Wan Munira bt Wan Jaafar selaku penyelia utama saya yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih di atas kesungguhan dan kesabaran beliau semasa membimbing saya ketika melaksanakan kajian ini. Segala nasihat, dorongan dan bantuan yang diberikan amat berguna dan berharga untuk perjalanan akademik saya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Azlina Mohd Khir selaku ahli komuniti kerana kesudian beliau membantu dan berkongsi ilmu penyelidikan di dalam kajian ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Ekologi Manusia, UPM khususnya Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak kakitangan dan klien *Cure and Care Service Centre* Kuala Pilah iaitu salah sebuah fasiliti di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan kerana turut membantu dalam menjalankan kajian ini

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi bantuan dan pandangan terutamanya kepada Dayang Shobihah Abang Abai dan Alia Shuhada. Akhir sekali saya abadikan ucapan penghargaan ini khas buat keluarga yang di sayangi yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta insan yang sentiasa di sisi. Hanya Allah yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Munira bt Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azlina Mohd Khir, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Muhammad Dhamir Audi Bin Azizul, GS45860

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Wan Munira bt Wan Jaafar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Azlina Mohd Khir

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Am	5
1.4.1	Objektif Khusus	5
1.5	Definisi Konseptual dan Operasional	6
1.5.1	Penagih dadah	6
1.5.2	Penagihan semula (relaps)	6
1.5.3	Konflik Interpersonal	7
1.5.4	Pusat Pemulihan	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Kesimpulan	8
2	TINJAUAN KAJIAN LEPAS	9
2.1	Pengenalan	9
2.2	Kerangka Teori	9
2.3	Kerangka Konseptual	12
2.4	Definisi konflik	13
2.5	Definisi konflik interpersonal	14
2.6	Faktor kewujudan konflik interpersonal dan intrapersonal	15
2.7	Konflik interpersonal secara tidak langsung	21
2.8	Konflik interpersonal di antara penagih dengan kakitangan pusat pemulihan dari aspek pelaksanaan rawatan yang menyumbang kepada penagihan relaps	25
2.9	Kesimpulan	28

3	METODOLOGI KAJIAN	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Lokasi Kajian	29
3.4	Populasi Kajian	32
3.5	Sampel Kajian	33
3.6	Teknik Persampelan	33
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	34
3.7.1	Temubual	34
3.7.2	Instrumen Kajian	36
3.7.3	Rakaman dan transkrip temubual	37
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
3.8.1	Pemeriksaan Data Oleh Partisipan kajian (<i>Member Checks</i>)	37
3.8.2	Pemeriksaan Rakan Sebaya (<i>Peer Checks</i>)	38
3.8.3	Ketipikalan Kategori (<i>Typical categories</i>)	38
3.8.4	Jejak Audit (<i>Audit Trail</i>)	39
3.9	Analisa data	39
3.10	Etika Penyelidikan	40
3.11	Kesimpulan	41
4	DAPATAN KAJIAN	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Demografi Informan	42
4.3	Jenis-jenis konflik interpersonal yang dialami oleh penagih lelaki dewasa relaps	43
4.3.1	Konflik dengan masyarakat	43
4.3.2	Konflik dengan keluarga	44
4.3.3	Konflik bersama majikan	45
4.4	Keadaan yang mencetuskan konflik interpersonal sehingga mempengaruhi penagih lelaki dewasa relaps	45
4.4.1	Konflik dengan masyarakat	45
4.4.2	Konflik dengan keluarga	49
4.4.3	Konflik dengan majikan	54
4.5	Kesimpulan	57
5	PERBINCANGAN	58
5.1	Pengenalan	58
5.2	Elemen <i>situational deviance</i> dalam keseluruhan hasil dapatan kajian	58
5.3	Elemen label sosial, stereotaip, dan stigmatisasi dalam konflik interpersonal bersama masyarakat	59
5.4	Elemen <i>master status</i> , <i>deviant career</i> , dan stigmatisasi dalam konflik interpersonal bersama keluarga	60
5.5	Elemen stigmatisasi, master status, dan deviant career dalam konflik interpersonal bersama majikan	62

5.6	Kewujudan Konflik Interpersonal Bersama Kakitangan Pusat Pemulihan	64
5.6.1	Sokongan kakitangan pusat pemulihan	65
5.6.2	Komunikasi berkesan ketika mengendalikan program pemulihan	65
5.7	Kesimpulan	66
6	KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN KAJIAN	67
6.1	Pengenalan	67
6.2	Kesimpulan dapatan kajian	67
6.3	Implikasi Kajian	69
6.3.1	Teori	69
6.3.2	Program Pemulihan	69
6.4	Limitasi kajian	70
6.5	Cadangan kajian pada masa akan datang	71
6.6	Kesimpulan	72
	RUJUKAN	73
	APPENDICES	89
	BIODATA PELAJAR	98
	SENARAI PENERBITAN	99

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Statistik Penagih Berulang Pada Tahun 2012-2016	4
3.1 Perkhidmatan utama di CCSC, Kuala Pilah	31
3.2 Komponen Program di CCSC, Kuala Pilah	32
3.3 Populasi Kajian	32
3.4 Kriteria Pemilihan Sampel	34
3.5 Rekod aktiviti temubual informan	35
3.6 Penerangan Soalan Temubual	36
3.7 Kaedah analisa data	40
4.1 Demografi Informan	42

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Teori Pelabelan (Labelling Theory)	9
2.2 Kerangka Konseptual	12
3.1 Papan tanda utama di CCSC, Kuala Pilah	31
6.1 Ringkasan Penyelidikan	68



SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
CCSC	Cure and Care Service Centre
HPA	Hypothalamic pituitari-adrenal
1SPC	1 Strategic Partner Community
PIK	Pusat Intergrasi Klien
CCRC	Cure and Care Rehabilitation Centre



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Fenomena penyalahgunaan dadah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai satu penyakit kronik berulang dan merupakan isu global. Sehingga kini masih tiada lagi jalan penyelesaian untuk membanteras fenomena ini daripada menular. Menurut Laporan Dadah Sedunia oleh Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNODC) pada tahun 2016, seramai 247 juta individu seluruh dunia terlibat di dalam masalah penyalahgunaan dadah. Di Malaysia, isu penyalahgunaan dadah adalah jenayah berat (Abdullah Sani, 2005). Pelbagai program telah dilakukan seperti program keluarga bebas dadah, program institusi pendidikan bebas dadah, program tempat kerja bebas dadah, program komuniti bebas dadah, program kesedaran awam dan publisiti antidadah namun, isu ini tetap muncul dalam media cetak mahupun media elektronik tempatan di Malaysia. Berita berkenaan penangkapan, pembongkaran makmal dadah, dan sindiket dadah antarabangsa merupakan isu yang kerap kali dipaparkan di Malaysia walaupun usaha pencegahan kali pertama telah lama dilakukan pada tahun 1970. Walaubagaimanapun, usaha untuk memerangi dadah gigih dilaksanakan melalui kolaborasi dengan masyarakat dan perkara ini jelas dinyatakan oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan iaitu Dato Dr Abd Halim Mohd Hussin sempena sambutan Hari Antidadah Kebangsaan ke-35 tahun 2018;

“Tema Hari Antidadah Tahun 2018 ialah “Komuniti Kita Tanggungjawab Kita” memberi makna yang cukup besar tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul secara bersama bagi memastikan komuniti tempat tinggal kita selamat dan bebas daripada permasalahan dadah. Justeru itu, ahli masyarakat tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab memerangi penyalahgunaan dadah hanya di bahu kerajaan semata-mata. Ini kerana pencegahan awal perlu dimulakan di peringkat masyarakat setempat untuk menggerakkan aktiviti kemasyarakatan yang berupaya menghindari berlakunya masalah dadah, sosial dan jenayah dalam masyarakat”

Menurut Mahmood Nazar (1996) penagih dadah dapat dikategorikan kepada dua iaitu penagih tegar dan penagih ringan. Penagih tegar adalah mereka yang menggunakan dadah untuk jangka masa 10 tahun dan telah menerima rawatan lebih daripada dua kali di pusat serenti manakala penagih ringan adalah penagih yang menggunakan dadah untuk jangka masa yang pendek dan baru pertama kali dirawat. Sindrom putus dadah atau *withdrawal symptom* merupakan sebab utama penagih dadah tidak dapat meninggalkan amalan penagihan dadah ini. *Withdrawal Symptom* merupakan kesan fizikal dan mental yang terhasil apabila seseorang berhenti

mengambil sesuatu bahan terutamanya dadah yang sudah menjadi kebiasaan bagi penagih. Kesan-kesan fizikal dan mental yang berlaku seperti tubuh menjadi lemah dan menghadapi tekanan melampau bergantung kepada jenis dadah yang diambil dan tempoh penagihan yang dialami. Untuk mengatasi masalah *withdrawal symptom*, penagih perlu mengambil semula dadah sehingga berulang kali untuk menenangkan diri mereka.

Penagihan semula atau relaps merupakan satu fenomena normal yang dialami penagih yang sudah menjalani proses rawatan dan pemulihan. Rasmussen (2000) mendefinisikan relaps sebagai penggunaan semula dadah selepas berhenti menggunakannya untuk satu tempoh tertentu yang bergantung kepada ketahanan seseorang melawan *withdrawal symptom*. Menurut Mahmood (1996) penagihan relaps melibatkan penyalahgunaan bahan psikoaktif selepas seseorang itu selesai menjalani rawatan pemulihan penagihan dadah dari segi pergantungan fizikal dan psikologikal terhadap dadah. Berdasarkan perspektif psikologi sosial, individu dewasa yang kembali menggunakan dadah adalah disebabkan masalah sosial yang berlaku oleh seseorang individu dewasa itu (Oetting & Beauvais, 1983. Rusniah Ahmad, Samihah Khalil, Ahmad Nasyran Azrae, Roos Niza Mohd Shariff, Aspalela Abd Rahman, Yusramizza Md Isa (2011) secara amnya menjustifikasikan bekas penagih mempunyai dua jenis penggantungan psikologikal dan fizikal. Detoksifikasi merupakan kaedah rawatan penggantungan fizikal manakala kaedah psikososial adalah penggantungan psikologikal. Dalam konteks penyalahgunaan dadah, penagih kurang menggunakan strategi penyelesaian masalah semasa mereka menghadapi masalah.

Terlalu banyak penyelidikan berkenaan penagih yang selesai mengikuti program rawatan dan pemulihan mendapati golongan ini akan kembali mengambil dadah semula (Abdul Halim, 2009; Scorzelli, 2009; Sabri, 2007; Abdul Rani, 2007; Mohamad Hussin, 2003 dan Mohamad Hussin & Mustafa, 2001). Keadaan ini menyebabkan tempoh dalam pembebasan penggunaan dadah itu menjadi sekejap (Bold et al., 2015; Borland et al., 2010; Hughes et al., 2013; Hughes et al., 2014). Pelbagai pendekatan telah digunakan antaranya dengan memberi dadah gantian (Kirby & Lamb, 1995), latihan ala ketenteraan (Mahmood, 1996) rawatan homeopati, pemulihan kerohanian, penyucian spiritual, modifikasi tingkah laku (Monty & Rohsenow, 1995), pemulihan psikologi (Callahan, Benton, Bradley, 1995), dan psikoterapi (Curran, Helene & Stephen, 2000). Kesannya, semua pendekatan itu tidak mampu untuk membanteras masalah penagihan semula ini dan statistik peningkatan kes penagihan berulang mahupun pertama sentiasa meningkat.

Selain itu, langkah yang tegas telah dilakukan dengan meluluskan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) 2002 Akta A1167 dan diwartakan pada 8 Ogos 2002. Dengan berkuatkuasanya akta ini mulai 11 November 2002, penagih dadah yang menagih semula selepas dua kali menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti atau pengawasan dari lima hingga tujuh tahun akan dikenakan sebatan tidak lebih daripada tiga kali. Selain itu, langkah lain yang dilaksanakan untuk menangani masalah dadah adalah dengan membina beberapa pusat pemulihan ataupun pusat

serenti. Sehingga kini, terdapat 40 buah *Cure and Care Service Centre* di Malaysia. Selain CCSC, kerajaan Malaysia juga telah mewujudkan Klinik *Cure and Care 1* Malaysia, *Cure and Care Rehabilitation Center* (CCRC), *Caring Community House*, *Cure and Care Vocational Center*, Pusat *Triage*, Pusat Latihan AADK, dan Pusat Intergrasi Klien (PIK) untuk membantu mencegah fenomena relaps ini.

Di luar negara banyak penyelidikan tentang relaps telah dilakukan. Antara penyelidik awal yang telah melakukan kajian tentang relaps adalah G. Alan Marlatt iaitu profesor dalam bidang psikologi dan pelopor di dalam penyelidikan tingkah laku penagihan. Skop penyelidikan beliau tertumpu kepada pencegahan dan rawatan alkohol dalam kalangan pelajar kolej dan belia. Menurut kajian Marlatt & Gordon (1985) relaps bermula dengan faktor yang dinamakan sebagai situasi berisiko tinggi (*high risk situation*). Situasi berisiko tinggi adalah keadaan yang berpotensi untuk menarik semula bekas penagih kembali menagih dadah. Situasi berisiko tinggi ini terjadi apabila seseorang penagih yang telah memulakan satu perubahan tingkah laku seperti meminimumkan pengambilan alkohol menghadapi masalah untuk mengekalkan perubahan tingkah laku tersebut. Sesuatu situasi boleh menyebabkan seseorang itu tidak dapat mengawal sesuatu perubahan tingkah laku yang dilakukan dan akhirnya kembali kepada pengambilan dadah semula. Antara situasi yang menyebabkan para penagih kembali kepada dadah ialah situasi emosi negatif seperti kemarahan dan kebimbangan, situasi konflik interpersonal seperti perselisihan faham di antara keluarga dan masyarakat, serta situasi tekanan sosial seperti tekanan daripada pergaulan dengan rakan-rakan yang mengambil dadah. Situasi emosi negatif dan konflik interpersonal turut menjadi punca utama tercetusnya fenomena relaps sebagaimana yang ditemui dalam penyelidikan Marlatt.

Di Malaysia, kajian berkenaan relaps telah dilakukan oleh beberapa penyelidik antaranya Mahmood Nazar (1996), Asmawati Desa (2005), Bahaman Abu Samah (2009), Fauziah Ibrahim (2008), Muzafar Razali Abdul Halim (2009), Sabri (2007), Abdul Rani (2007), Mohamad Hussin (2003) dan Mohamad Hussin & Mustafa (2001). Tumpuan penyelidikan di Malaysia kebanyakannya adalah kepada faktor yang menyebabkan penagihan relaps dan teknik berkesan untuk menangani penagihan relaps. Oleh itu, kajian ini hanya menumpukan kepada kewujudan situasi konflik interpersonal yang menyebabkan penagih dadah lelaki dewasa kembali relaps.

1.2 Pernyataan Masalah

Di dalam bahagian pernyataan masalah ini, beberapa masalah atau kebimbangan daripada pelbagai sumber diketengahkan sebagai sebab utama kajian ini penting untuk dilaksanakan. Masalah yang pertama adalah berpunca daripada statistik yang tidak konsisten sepanjang lima tahun iaitu bermula tahun 2012 sehingga 2016 yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Pada tahun 2012 terdapat 4,800 (31.79%) kes penagihan berulang dikenal pasti dan terus meningkat kepada 7,406 (35.46%) serta 8,172 (37.53%) kes pada tahun 2013 dan 2014. Tetapi

pada tahun 2015 bilangan kes menurun kepada 6,379 (23.92%) dan terus meningkat kepada 7,921 (25.68%) pada tahun 2016. Jelas statistik di atas menunjukkan kes penagihan relaps yang tidak konsisten dan cenderung kepada peningkatan sepanjang tempoh 5 tahun dan perkara ini amat membimbangkan sekiranya kes penagihan relaps ini terus meningkat semula pada masa akan datang. Berikut merupakan statistik penagih relaps dan jumlah penagih dalam program pemulihan pada tahun 2012 hingga 2016.

Jadual 1.1 : Statistik Penagih Berulang Pada Tahun 2012-2016

TAHUN	BILANGAN KES
2012	4,800 (31.79%)
2013	7,406 (35.46%)
2014	8,172 (37.53%)
2015	6,379 (23.92%)
2016	7,921 (25.68%)

(Sumber : Maklumat Dadah 2016, AADK 2016)

Pada masa kini konflik interpersonal merupakan isu yang sering kali ditumpukan oleh penyelidik-penyelidik di dalam penyelidikan tingkah laku organisasi (Bao, Zhu, Hu, & Cui, 2016). Konflik interpersonal adalah perkara penting bagi seorang pengurus di dalam organisasi dan juga sebagai saintis sosial dalam memahami sifat, tingkah laku, dan proses organisasi. Konflik interpersonal juga bukan sahaja berlaku di dalam organisasi perniagaan tetapi wujud juga di dalam organisasi bukan perniagaan. Marlatt & Gordon (1985) mendefinisikan konflik interpersonal sebagai keadaan perselisihan faham yang berlaku antara individu, dalam sebuah perkahwinan, antara keluarga, rakan sekerja ataupun masyarakat di sekeliling individu berkenaan. Konflik interpersonal yang dialami dalam kalangan bekas penagih sangat berkecenderungan tinggi membawa kepada penagihan relaps. Terdapat beberapa kajian yang selari berdasarkan keadaan yang dinamakan sebagai situasi berisiko tinggi relaps yang memperlihatkan konflik interpersonal sebagai sebab utama penagihan berulang berlaku. Antaranya adalah penyelidikan oleh Johnson (1998), yang mengkaji perkaitan antara penyalahgunaan bahan dan pengulangan jenayah dalam kalangan remaja juvana di Amerika Syarikat. Kajian ini mendapati 75% remaja yang dikaji tergolong dalam keadaan situasi berisiko tinggi relaps iaitu mereka yang mengalami konflik interpersonal selain tekanan sosial dan situasi emosi. Cummings (1980) yang mengkaji berkenaan penagihan semula terhadap 327 responden yang dibahagikan kepada lima kumpulan tingkah laku penagihan iaitu pemabuk, perokok, penagih heroin, pejudi dan pemakanan yang tidak dapat dikawal juga menunjukkan dapatan kajian yang sama. Beliau mendapati sebanyak 48% individu yang tergolong dalam faktor interpersonal (hubungan dengan orang lain atau keadaan persekitaran) telah menyebabkan penagihan relaps manakala 52% lagi adalah disebabkan oleh faktor intrapersonal (dalam diri individu).

Kajian terhadap bagaimana konflik interpersonal dalam masyarakat menyebabkan berlakunya masalah sosial juga begitu penting untuk dilakukan selari dengan kebimbangan oleh kerajaan Malaysia. Buktinya, pada tahun 2017 kerajaan Malaysia mewujudkan perancangan Projek Perintis Pusat Mediasi Komuniti di Kompleks Kejurangan Presint 9 bagi menyediakan perkhidmatan mediasi untuk menyelesaikan kes-kes konflik komuniti setempat. Pelaksanaan projek kerjasama menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ini melibatkan tiga pihak iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Perbadanan Putrajaya. Menerusi projek ini, kerajaan berharap penjimatan kos perundangan dapat dilaksanakan serta menggalakkan masyarakat untuk menguruskan konflik di peringkat komuniti tanpa perlu ke mahkamah seterusnya dapat mengurangkan bilangan kes yang dibawa. Kerajaan juga akan bekerjasama dengan Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan menggunakan strategi yang dicadangkan oleh pihak AADK yang merangkumi program pencegahan, rawatan serta pemulihan dan penguatkuasaan dadah secara terancang untuk membasmi masalah penagihan dadah ini. Jelas kajian terhadap konflik ini sangat digalakkan untuk memahami mengapa kadar penagihan relaps sentiasa berlaku dari tahun ke tahun.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut.

1. Apakah jenis konflik interpersonal yang dialami oleh penagih dadah lelaki dewasa relaps?
2. Sejauh manakah konflik interpersonal yang dialami boleh mempengaruhi penagih dadah lelaki dewasa untuk relaps?

1.4 Objektif Am

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana konflik interpersonal dalam kalangan penagih dadah lelaki dewasa relaps terjadi.

1.4.1 Objektif Khusus

1. Untuk mengkaji jenis-jenis konflik interpersonal yang dialami oleh penagih dadah lelaki dewasa relaps.
2. Untuk menganalisis keadaan yang menyebabkan terjadinya konflik interpersonal sehingga membawa penagih dadah lelaki dewasa relaps.

1.5 Definisi Konseptual dan Operasional

1.5.1 Penagih dadah

Definisi Konseptual

Field (2009) mendefinisikan penagih dadah sebagai individu yang ketagih kepada dadah dan mempunyai kecenderungan untuk bergantung kepada penggunaan dadah secara positif dan destruktif.

Definisi Operasional

Para pelatih atau penagih dadah lelaki dewasa berumur 20 sehingga 44 tahun yang mula mengambil dadah ketika peringkat peralihan dewasa untuk tujuan yang salah, mengambil dalam kuantiti yang berlebihan, pernah beberapa kali memasuki pusat pemulihan, dan sedang menjalani rawatan di *Cure and Care Service Centre*, Kuala Pilah. Golongan muda mahupun belia adalah majoriti yang terlibat dalam permasalahan dadah (Rushidy Ramly, 2012).

1.5.2 Penagihan semula (relaps)

Definisi Konseptual

Kamus Oxford Advance Learner (1989) menyatakan definisi penagihan semula ialah *fall back into a previous condition or a worse state after making an improvement* dan menurut Encyclopedia Dictionary of Psychology penagihan semula adalah *the recurrent symptoms of disease after a period of improvement*. Marlatt & Gordon (1985) mengatakan relaps dilihat sebagai kegagalan klien dalam cubaan untuk mengubah perlakuan berkaitan dengan pengambilan dadah. Chiauuzzi (1991) mendefinisikan penagihan semula ialah kembali kepada perlakuan menagih selepas suatu tempoh berhenti mengambil dadah.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini relaps disandarkan kepada suatu pengulangan simptom penyakit penagihan dadah selepas tempoh mengikuti program pemulihan. Definisi ini juga merangkumi kepada penagih aktif yang mempunyai rekod penagihan yang sangat lama dan beberapa kali mengikuti program pemulihan di pusat serenti.

1.5.3 Konflik Interpersonal

Definisi Konseptual

Menurut Weiten (2007), konflik interpersonal adalah konflik yang muncul ketika dua orang atau lebih mengalami ketidaksetujuan. Perselisihan ini disebabkan oleh kesalahfahaman kecil atau kesan dari perbezaan tujuan, nilai, sikap atau keyakinan yang tidak sama.

Definisi Operasional

Konflik interpersonal di dalam kajian ini lebih menumpukan kepada kewujudan konflik penagih dengan individu luar seperti keluarga, bekas majikan, kakitangan pusat pemulihan, dan masyarakat. Konflik-konflik ini akan diperhalusi dengan cara mengkaji bagaimana konflik ini timbul dan bagaimanakah mereka berhadapan dengan konflik-konflik ini.

1.5.4 Pusat Pemulihan

Definisi Konseptual

Menurut Agensi Dadah Kebangsaan (1997) pusat pemulihan adalah tempat untuk membantu penagih dadah membebaskan diri mereka daripada menggunakan dadah dan membuat mereka merasa dirinya berguna dan dihormati oleh keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

Definisi Operasional

Di dalam penyelidikan ini pusat pemulihan merujuk kepada *Cure and Care Service Centre*, Kuala Pilah. CCSC merupakan pusat aktiviti harian bagi mereka yang memerlukan perkhidmatan berhubung permasalahan dadah yang juga menawarkan program psikososial yang bertujuan untuk mengubah tingkahlaku penagihan, memberi kemahiran dalam mencegah relaps dan memberi keyakinan kepada klien agar kembali berfungsi sebagai individu yang normal di dalam masyarakat. Di sini, klien diberikan peluang untuk bekerja di luar ataupun menetap di CCSC, Kuala Pilah dan wajib menghadiri kelas atau program yang dikendalikan oleh pihak CCSC, Kuala Pilah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau konflik interpersonal yang berlaku selepas bekas penagih keluar dari pusat pemulihan. Hasil kajian berkaitan kewujudan pelbagai konflik interpersonal akan dikongsi bersama kakitangan *Cure and Care*

Service Centre, Kuala Pilah untuk mereka memperhalusi lagi modul pembelajaran terhadap klien di sana. Modul pembelajaran berasaskan pengurusan konflik interpersonal boleh dicadangkan kepada CCSC, Kuala Pilah untuk membantu para penagih dadah dewasa bebas daripada penagihan relaps.

Kajian berkenaan konflik interpersonal ini berupaya untuk menyumbang ilmu baharu kepada bidang psikologi sosial dari segi kepelbagaian isu yang menyumbang kepada kewujudan konflik interpersonal. Dalam hal ini, kajian yang mendalam hanya menumpukan kepada konflik interpersonal sahaja di lokasi kajian dan latar belakang informan yang berbeza. Kajian ini diharap dapat memberikan ruang untuk penyelidikan akan datang, penilaian kritikal, kritikan, dan perdebatan di dalam bidang pengajian konflik kriminologi.

Kepentingan kajian ini dilaksanakan juga berupaya untuk membantu masyarakat memahami bahawa faktor luaran turut menyebabkan penagih yang selesai menjalani program pemulihan kembali ke alam penagihan semula dan tidak didorong oleh keinginan nafsu terhadap dadah semata-mata. Sekaligus dapat mengurangkan tanggapan dan label-label negatif masyarakat terhadap keadaan bekas penagih ini.

1.7 Skop Kajian

Pelbagai faktor yang menyumbang kepada penagihan relaps telah dikesan oleh beberapa pengkaji lepas antaranya situasi sindrom putus dadah (*withdrawal symptom*) (Gossop, Green, Phillips, & Bradley, 1989; Soyka, Zingg, Koller, & Kuefner, 2008), ketagihan yang melampau (Bradley, Phillips, Green, & Gossop, 1989; Heinz et al., 2006), tekanan psikiatri (Hser, 2007; Llorente del Pozo, Fernandez Gomez, Gutierrez Fraile, & Vielva Perez, 1998), penyakit fizikal (Larson et al., 2007; Potter, Prather, & Weiss, 2008), dan gangguan tidur (Burke et al., 2008). Walau bagaimanapun, skop terhadap konflik interpersonal sebagai penyumbang utama relaps yang merupakan salah satu elemen dalam bidang psikologi sosial (persepsi dan pengetahuan sendiri) menjadi tumpuan utama di dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk fenomenologi yang menggunakan pendekatan kualitatif dan hanya dilakukan di pusat pemulihan *Cure and Care Service Centre*, Kuala Pilah, Negeri Sembilan sahaja. Informan kajian pula hanya tertakluk kepada individu dewasa yang berumur di antara 20 sehingga 44 tahun.

1.8 Kesimpulan

Kajian ini menumpukan kepada analisis bagaimana penagih dadah lelaki dewasa di CCSC Kuala Pilah relaps disebabkan konflik interpersonal yang membelenggu diri mereka. Berpanduan objektif yang dinyatakan, kajian ini hanya menumpukan kepada konflik interpersonal sahaja tanpa melihat kepada faktor-faktor penyumbang relaps yang lain.

RUJUKAN

- Abiodun, A. R. (2014). Organizational Conflicts: Causes, Effects and Remedies. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 3(6), 118.
- Abdul, H., & Shah, F., (2010). Simultaneous preconcentration of toxic elements in artificial saliva extract of smokeless tobacco product, mainpuri by cloud point extraction method. *Ecotoxicology and environmental safety*, 92, 289-296.
- Adam, F., Ahmad, W., & Ibrahim, W. (2012). Frequency of zikir (remembrance to Allah) in drug rehabilitation process among Malay society. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(3), 92-95.
- Agensi Dadah Kebangsaan (1997). *Kenali dan Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: AADK
- Agensi Dadah Kebangsaan (2007). *Kenali dan Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: AADK
- Afzalur Rahim, M., Antonioni, D., & Psenicka, C. (2001). A Structural Equations Model Of Leader Power, Subordinates' Styles Of Handling Conflict, And Job Performance. *International journal of conflict management*, 12(3), 191-211.
- Alterman, A. I., & Cacciola, J. S. (1991). The antisocial personality disorder diagnosis in substance abusers: Problems and issues. *Journal of Nervous and Mental Disease*, 179, 401-409.
- Andrews, D. A., & Dowden, C. (2006). Risk principle of case classification in correctional treatment: A meta-analytic investigation. *International journal of offender therapy and comparative criminology*, 50(1), 88-100.
- Appelberg, K., Romanov, K., Heikkilä, K., Honkasalo, M., & Koskenvuo, M. (1996). Interpersonal Conflict as a Predictor of Work Disability: A Follow-Up Study of 15,348 Finnish Employees. *Journal of Psychosomatic Research*, 40, 157-167.
- Atkinson, J.S., Montoya, I.D., Atrevina, R., Richard, A.J. (2000). Labor Force Participation in a Sample of Substance Users. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, August.
- Bao, Y., Zhu, F., Hu, Y., & Cui, N. (2016). The Research of Interpersonal Conflict and Solution Strategies. *Psychology*, 7(04), 541.

- Barnard, M. (2005). Discomforting research: Colliding moralities and looking for 'truth' in a study of parental drug problems. *Sociology of health & illness*, 27(1), 1-19.
- Beattie, M. C., & Longabaugh, R. (1997). Interpersonal factors and post-treatment drinking and subjective well-being. *Addiction*, 92, 1507-1521.
